

THE IMPLEMENTATION OF INTERNATIONALIZATION OF HIGHER EDUCATION IN MALAYSIAN PUBLIC HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

*Sanitah bte Mohd. Yusof
Prof. Dr. Zaitun bte Hj. Sidin
Faculty of Education, UTM*

Abstrak

Pengantarabangsaan telah menjadi salah satu agenda dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi membolehkannya bersaing di peringkat global. Pengantarabangsaan IPT merupakan satu proses mengintegrasikan dimensi antarabangsa dalam ketiga-tiga elemen utama pendidikan tinggi iaitu penyelidikan, pengajaran dan perkhidmatan (Knights, 1994, 1995, 1997). Kajian literatur mendapati konsep pengantarabngsaan dapat dijelaskan melalui empat pendekatan iaitu pendekatan proses, aktiviti, kemahiran dan rasional (Maria, 2004). Selain itu juga kajian lalu mendapati bahawa pelaksanaan pengantarabangsaan melalui dua strategi iaitu strategi program dan strategi organisasi (Knights and De Wit, 1995). Kertas kerja ini akan membincangkan tentang pelaksanaan pengantarabangsaan dalam konteks Institusi Pendidikan Tinggi Awam di Malaysia. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kajian mendapati terdapat pelbagai konsep dan strategi pengantarabangsaan IPTA di Malaysia. Kajian juga mendapati bahawa strategi pengantarabangsaan yang digunakan oleh IPTA tidak seharusnya menepati penanda aras (KPI) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

1.0 Pengenalan

Pengantarabangsaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia menjadi topik perbincangan di kalangan ahli akedmik sekitar tahun 1990-an. Pada tahun 1995, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah mengemukakan konsep pendidikan bertaraf dunia. Beliau menegaskan bahawa pendidikan bertaraf dunia bermaksud "usaha-usaha strategik untuk mengglobalisasikan pendidikan, mencari ilmu pengetahuan tidak kira di mana dan membuka minda untuk menghadapi cabaran". Penegasan terhadap pengantarabangsaan IPT diperkukuhkan lagi pada tahun 1996 apabila Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu, iaitu Yang Amat Berhormat Tun Mahathir bin Mohamed menyatakan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Serantau (Mahathir, 2000; RMK 7, 1996). Pusat kecemerlangan tersebut merupakan salah satu usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 melalui Wawasan 2020. Sejajar dengan itu juga, kerajaan menubuhkan MSC (Multimedia Super Coridor) yang akan menjadi pusat koridor bagi teknologi maklumat dan komunikasi multimedia di rantau Asia. Usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Serantau akan berjaya sekiranya IPT berjaya menarik minat penuntut-penuntut yang terbaik di rantau ini dan juga antarabangsa bagi mengikuti program pengajian di sini. IPT haruslah menyediakan program-program yang berkualiti, staf akademik yang berkualiti,

kemudahan infrastruktur yang baik disamping sistem tadbir urus yang berkesan (MOHE, 2006).

Pendidikan bertaraf dunia juga dimaksudkan sebagai institusi yang boleh melahirkan manusia yang berperibadi, dengan nilai moral yang teguh, seorang manusia yang sempurna, bukan sahaja dari aspek akademik, tetapi dengan kemampuan intelektual untuk menangani cabaran masa hadapan. Ia juga merupakan satu sistem pendidikan yang boleh dipasarkan diperingkat global (Sufean, 2003). Hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Serantau menyebabkan semua IPT mengambil beberapa inisiatif. Salah satunya adalah dengan mengantarabangsakan IPT negara. Sehingga kini, pengantarabangsakan IPT telah menjadi aspek utama yang ditekankan dalam kerangka perancangan pendidikan tinggi negara (Hashim, 2004; Dzulkifli, 2004). Sehubungan dengan itu, seluruh IPTA berusaha untuk mengantarabangsakan IPT masing-masing. Kebanyakannya telah mensasarkan untuk menjadi universiti bertaraf dunia pada pernyataan misi dan visinya (Kementerian Pendidikan, 1999). Selain itu, kebanyakan IPT tersebut juga telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Pusat/Unit Perhubungan dan Hal Ehwal Antarabangsa yang antara lain berfungsi sebagai membina dan membentuk jaringan akademik di peringkat antarabangsa, mempromosikan IPT di mata dunia, meningkatkan kefahaman silang budaya serta menyusunatur segala bentuk aktiviti bersama pihak luar. Selain itu, matlamat dan tujuan IPTA ke arah mengantarabangsakan IPT masing-masing digambarkan dengan jelas dalam pernyataan misi dan visi setiap universiti. Ini menjelaskan bahawa IPTA di seluruh negara menyedari hakikat kepentingan untuk mengantarabangsakan IPT masing-masing sejajar dengan misi dan visi Kementerian Pengajian Tinggi.

2.0 Kajian Literatur

2.1 Konsep pengantarabangsakan

Terdapat pelbagai konsep yang diberikan terhadap pengantarabangsakan. Kepelbagaian konsep tersebut menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan pengkaji. Menurut Jun (2003), masalah yang timbul semasa mendefinisikan pengantarabangsakan bukanlah kerana penggunaan banyak terma, sebaliknya, ia berkaitan dengan konteks penulisan, latar belakang pengkaji, kepentingan kajian dan juga latar setempat. Callan (2000) menyatakan konsep pengantarabangsakan akan berbeza bergantung kepada rasional, insentif, keadaan politik, ekonomi, dan sejarah sesebuah negara dan bangsa. AUCC (2000) pula menyatakan *there is no simple, unique or all encompassing definition of internationalization of the university*. Jelasnya dapatlah disimpulkan bahawa terdapat kesukaran dalam menentukan konsep pengantarabangsakan yang boleh diterima oleh semua masyarakat. Walau bagaimanapun, pengantarabangsakan boleh dianggap sebagai satu 'jambatan' ke arah usahasama pendidikan tinggi di seluruh dunia bagi menjamin kesejahteraan sejagat. Berdasarkan kajian literatur didapati bahawa konsep pengantarabangsakan sesebuah IPT bergantung kepada pendekatan yang dilaksanakan. Sekiranya usaha pengantarabangsakan yang dilaksanakan menumpukan kepada aktiviti maka konsep pengantarabangsakan lebih menjurus kepada aktiviti. Sekiranya konsep pengantarabangsakan memberi fokus kepada proses maka konsep pengantarabangsakan juga lebih tertumpu kepada proses (Ellingboe, 1998; Knight dan de Wit, 1995; Knight & de Wit, 1997). Penghuraian berikutnya menjelaskan tentang konsep pengantarabangsakan IPT berdasarkan pendekatan.


2.1.1 Konsep pengantarabangsaan berdasarkan pendekatan

Salah satu cara untuk pengkaji memberikan konsep terhadap pengantarabangsaan ialah berdasarkan kepada pendekatan. Choi (2003) menggunakan model Bolman & Deal (1984) dalam memberikan konsep kepada pengantarabangsaan. Beliau membahagikan konsep pengantarabangsaan kepada empat rangka iaitu rangka aktiviti, rangka sumber manusia, rangka pengurusan dan rangka budaya. Maria (2004) juga memberikan penjelasan tentang konsep pengantarabangsaan melalui pendekatan yang sama iaitu dengan membahagikan pengantarabangsaan berdasarkan kepada pendekatan yang digunakan. Kajian ini menggunakan konsep pengantarabangsaan berdasarkan pendekatan oleh Maria (2004). Konsep pengantarabangsaan IPT dibahagikan kepada empat bahagian juga iaitu aktiviti, kemahiran, rasional dan juga proses.

2.1.2 Konsep pengantarabangsaan berdasarkan kerangka

Berbeza dengan Maria (2004), Choi (2003) mengkategorikan konsep pengantarabangsaan berdasarkan kepada kerangka. Kerangka pertama ialah kerangka aktiviti, kerangka sumber manusia, kerangka pengurusan dan kerangka budaya. Kerangka aktiviti dan kerangka sumber manusia tidak akan dijelaskan kerana ia mempunyai persamaan dengan konsep pengantarabangsaan berdasarkan pendekatan aktiviti dan kemahiran yang dikemukakan oleh Maria (2004). Kerangka pengurusan merujuk kepada pembentukan budaya organisasi. Budaya organisasi amat penting kerana ia akan menyokong aspek nilai, dana, polisi serta daya kepimpinan di institusi pengajian tinggi (Davies, 1992; De Wit & Knight, 1995; Scot 1997). Pembentukan polisi, pelan strategik dan sistem organisasi memainkan peranan penting dalam memastikan usaha pengantarabangsaan mencapai matlamatnya.

Kerangka budaya terbahagi kepada tiga tahap iaitu individu, institusi dan nasional (Jun, 2003). Tahap individu adalah merupakan tahap kemahiran individu dalam pawaian antarabangsa seperti mempunyai kompetensi dan kepakaran yang diiktiraf antarabangsa. Tahap institusi memfokuskan kepada perkongsian nilai, matlamat dan etika kerja dikalangan semua staf sesebuah institusi seperti pembinaan moto, visi dan misi institusi yang diketahui dan difahami oleh semua. Manakala budaya nasional merujuk kepada budaya yang dikongsi oleh semua masyarakat. Kewujudan budaya nasional berupaya membentuk sistem pendidikan sesebuah negara. Di Malaysia, salah satu budaya nasional yang dikongsi bersama ialah wawasan 2020 dan sistem pendidikan di negara ini termasuklah falsafah pendidikannya tercerna daripada wawasan tersebut. Budaya nasional yang dibentuk adalah berasaskan kepada inspirasi masyarakat dengan mengambil kira elemen global. Setiap negara mempunyai budaya nasional yang tersendiri berdasarkan kepada sejarah, tradisi, demografi, geografi, politik dan sistem ekonomi dan nilai setempat (Pike, 2000). Sehubungan dengan itu, dalam memberikan konsep tentang pengantarabangsaan adalah penting untuk setiap pengkaji mengambil kira aspek budaya sesebuah negara bangsa.



Rajah 1 Rajah Menunjukkan Konsep Pengantarabangsaan berdasarkan pendekatan oleh Maria (2004)

Kajian oleh Choi (2003) terhadap definisi pengantarabangsaan di Korea mendapati bahawa definisi pengantarabangsaan tergolong dalam kerangka aktiviti dan juga kerangka sumber manusi atau kompetensi. Begitu dengan kajian yang dilakukan oleh Jones (2002) terhadap konsep pengantarabangsaan di **Pendekatan Penganta** mendapati bahawa konsep yang utama ialah konsep pengantarabangsaan sebagai satu proses, diikuti dengan pengantarabangsaan sebagai satu aktiviti dan seterusnya, konsep pengantarabangsaan sebagai satu kompetensi atau sumber manusia. Walau bagaimanapun, dalam menjelaskan konsep pengantarabangsaan, ramai pengkaji dan para pendidik mengambil jalan tengah dengan menggabungkan kesemua pendekatan untuk memantapkan konsep pengantarabangsaan. Ellingboe (1997)

*Internationalization is the process of integrating an international perspective into a college or university system. **Rasional**, future-oriented, interdisciplinary, leadership-driven vision that involves top administrators creating an institutional vision and motivating people in both academic affairs and student affairs units to change an entire system to think globally, comparatively, and collaboratively while reacting to multi-dimensional environmental changes in global political, economic, social, and cultural arenas. It is the way an institution adapts to an ever-changing, diverse external environment that is becoming more globally focused.*

Salah satu cara sesebuah negara respon terhadap kehendak semasa (Knight, 1999)

Dalam konteks kajian ini, pengkaji bersetuju dengan konsep pengantarabangsaan yang dikemukakan oleh Ellingboe. Pengantarabangsaan adalah satu proses yang dinamik. Pendekatan dan aktiviti yang dilaksanakan banyak bergantung kepada persekitaran, keupayaan, kemudahan yang terdapat di sesebuah institusi.

2.2 Strategi Pelaksanaan Pengantarabangsaan

Usaha mengantarabangsakan IPT merupakan satu usaha yang sangat kompleks. Pelbagai strategi dikemukakan bagi memastikan usaha dan aktiviti yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Kesar, 2000). Sungguhpun demikian, kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa tidak terdapat satupun strategi pengantarabangsaan yang paling berkesan untuk dilaksanakan. Kejayaan dan kegagalan strategi yang dipilih bergantung pada banyak faktor dalaman dan luaran sesebuah institusi. Faktor dalaman seperti misi universiti, komitmen pentadbir, program yang dilaksanakan, persekitaran universiti, budaya, sejarah, kewangan, kemudahan, kepimpinan lokasi, struktur, motivasi dan minat manakala faktor luaran termasuklah perubahan masyarakat, persepsi terhadap nilai, imej dan identiti, perlembagaan dan polisi kerajaan. Oleh itu, proses strategi untuk pengantarabangsaan memerlukan usaha yang menyeluruh dan bersepadu dan ia memerlukan proses merancang, melaksana dan menilai.

Dalam hal ini, strategi pelaksanaan pengantarabangsaan adalah merujuk kepada kebijaksanaan merancang dan mengurus aktiviti dan program bagi memastikan matlamat kearah pengantarabangsaan IPT dapat dilaksanakan dengan jayanya. Perkataan 'strategi' digunakan berdasarkan pandangan oleh Knight dan de Wit (1995). Mereka menggunakan perkataan ini untuk merujuk kepada inisiatif yang diambil oleh institusi pendidikan tinggi dalam usaha mereka untuk mengintegrasikan dimensi antarabangsa dalam penyelidikan, pengajaran dan pentadbiran. Strategi pengantarabangsaan IPT dikategorikan kepada dua iaitu strategi organisasi dan strategi program (Knight dan de Wit, 1995; Maria, 2004; Isadora, 2003). Strategi organisasi merupakan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan yang merangkumi aspek pembinaan polisi dan sistem pentadbiran manakala strategi program meliputi aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti akademik.

Kajian oleh Choi (2003) terhadap strategi pelaksanaan pengantarabangsaan pendidikan tinggi di Korea mendapati bahawa walaupun pernyataan misi telah jelas tetapi tahap kesedaran dan minat staf universiti terhadap pengantarabangsaan masih rendah. Sepertimana kajian lain, kajiannya juga mendapati peranan staf dan pelajar sering diabaikan dalam melaksanakan pengantarabangsaan (Albach, 1979, Pickert, 1992; Engberg, 2001; Hayward, 2001; Yang, 2002). Oleh itu, penglibatan semua pihak amat penting dalam memastikan usaha kearah pengantarabangsaan IPT akan tercapai. Selain itu, kajian Jun (2003) juga mendapati pembangunan sumber manusia menjadi salah satu elemen yang menjadi kekangan. Staf universiti didapati tidak mempunyai kemahiran antarabangsa seperti kemahiran berbahasa asing, pengetahuan silang budaya, pengalaman antarabangsa, sikap yang positif terhadap budaya asing, serta kesedaran terhadap kepentingan pengantarabangsaan untuk masa depan pendidikan tinggi di Korea. Sehubungan dengan itu adalah menjadi tanggungjawab pentadbir universiti untuk melaksanakan program yang berupaya membantu serta menyokong program pembangunan staf.

Jones (2002) mendapati di University Alberta pembangunan sumber manusia merupakan aspek yang penting diikuti oleh kekurangan peruntukan kewangan, tiadanya pengiktirafan dan insentif kepada staf, tidak terdapat satu kaedah penilaian program akademik malahan aktiviti ini tidak mendapat sokongan penuh daripada komuniti akademik. Didapati juga kekeliruan dan ketidakfahaman konsep pengantarabangsaan yang berpunca daripada kaedah komunikasi yang kurang efisien di antara pembuat dasar dan pelaksana. Maria (2004) dalam kajiannya yang membandingkan diantara dua universiti di Catalunya mendapati bahawa peruntukan kewangan, pengiktirafan, kepimpinan dan kejelasan pernyataan visi merupakan elemen penting dalam strategi organisasi. Berbeza dengan pengkaji lain Maria juga membuat kajian terhadap strategi program dan mendapati bahawa mobiliti dan infusian merupakan strategi program yang menjadi keutamaan. Umumnya, strategi pelaksanaan pengantarabangsaan IPT tertumpu kepada dua aspek utama iaitu strategi program dan strategi organisasi. Banyak kajian yang tertumpu kepada strategi organisasi berbanding strategi program walaupun pada hakikatnya pengkaji menyedari akan kepentingna kedua-dua strategi ini. Maria (2004) dan Elkin, Devjee dan Fansworth (2005) antara pengkaji yang menjalankan kajian terhadap strategi program. Gabungan kedua-dua strategi ini merupakan kaedah pelaksanaan pengantarabangsaan yang terbaik (Knights dan de Wit, 1995).

2.2.1 Strategi organisasi

Strategi organisasi merupakan strategi yang berfokuskan kepada proses dan isu organisasi. Ia perlu bagi memastikan setiap aktiviti pengantarabangsaan menyokong di antara satu sama lain serta berupaya melengkapkan misi sesebuah institusi. Davies (1995) dalam kajiannya mengenalpasti beberapa perkara utama yang diperlukan oleh sesebuah institusi dalam usaha pengantarabangsaan iaitu, pernyataan misi yang jelas, program yang akan dijalankan, pembangunan fakulti (staf dan kemudahan) dan dana atau sumber kewangan. Knight dan de Wit (1995) pula menyenaraikan beberapa elemen penting dalam strategi organisasi iaitu, komitmen dan sokongan dari pembuat dasar, sokongan dan penyertaan fakulti (staf dan kemudahan), unit antarabangsa, dana/sumber kewangan-luaran dan dalaman, polisi, insentif dan ganjaran kepada fakulti/staf, sumber maklumat, pelan tahunan, peruntukan kewangan dan proses maklumbalas.

Jun (2003) mengkategorikan strategi organisasi kepada beberapa kategori iaitu perkhidmatan sokongan, kemudahan (kewangan, sokongan daripada staf, pelajar), pelan tindakan strategik (pelan tindakan tahunan: komprehensif, pemilihan pendekatan, penglibatan fakulti dan pelajar, kekangan) dan kepimpinan (penyokong utama, perancang, pemudahcara dan motivator). Maria (2004) pula membahagikan strategi organisasi kepada tiga bahagian iaitu budaya (pengiktirafan, komitmen, penyertaan, usahasama, jangkaan) struktur organisasi pengurusan (keseimbangan organisasi, integrasi, perkhidmatan sokongan dan kemudahan) dan polisi (merancang, melaksana, menilai dan menginstitusikan). Ringkasnya, strategi organisasi melibatkan proses pentadbiran dan pengurusan aktiviti pengantarabangsaan. Walaupun terdapat pelbagai elemen dan aktiviti yang disenaraikan sebagai strategi organisasi tetapi hakikatnya para pengkaji tersebut membincangkan perkara yang sama.

2.2.2 Strategi program

Strategi program merupakan aktiviti-aktiviti akademik yang dilaksanakan bagi tujuan pengantarabangsaan. Knight dan de Wit (1995) membahagikan strategi program kepada empat bahagian iaitu penyelidikan, pendidikan, ko-kurikulum dan perkhidmatan sokongan. Jun (2003) mengkategorikan strategi program kepada lima bahagian iaitu kurikulum antarabangsa (bahasa asing, bidang pengajian, infusian dan kajian perbandingan), program pergerakan pelajar (pertukaran pelajar/staf, latihan bertaraf antarabangsa), pendidikan jarak jauh (universiti maya, pendidikan *offshore*, pendidikan jarak jauh), usahasama antarabangsa (pertukaran maklumat dan kepakaran, pertukaran kemudahan, program berkembar, usahasama penyelidikan dan pengajaran) dan ko-kurikulum (persatuan dan kelab pelajar, acara silang budaya). Manakala, Maria (2004) menyenaraikan strategi program seperti, *infusion* (memasukkan ciri-ciri antarabangsa ke dalam isi kandungan kurikulum pendidikan tinggi), program yang berfokuskan antarabangsa, pergerakan pelaja, pendidikan maya, dan memasukkan elemen antarabangsa dalam persekitaran kampus

Elkin, Devjee dan Fansworth (2005) membuat kajian menggunakan modelnya keatas 70 buah universiti di seluruh dunia bagi mengenalpasti sejauhmanakah penggunaan 13 program sepertimana yang tersenarai dibawah dijalankan di setiap universiti yang dikaji. Hasilnya beliau dapat menyenaraikan strategi program berdasarkan keutamaan iaitu, program yang berfokuskan antarabangsa, hubungan dengan institusi antarabangsa, program pertukaran pelajar, usahasama penyelidikan, penyelidikan bertaraf antarabangsa, staf berinteraksi dalam konteks antarabangsa, sokongan terhadap pelajar antarabangsa, penyertaan dalam seminar antarabangsa pelajar pascasiswazah antarabangsa, pelajar ijazah sarjana muda antarabangsa, program pertukaran staf, staf dilatih di luar negara, dan akhirnya kurikulum antarabangsa. Walau bagaimanapun beliau hanya mengambil kira 11 program sahaja untuk dijadikan kajian seterusnya dan model tersebut seterusnya dipanggil Model Sebelas Dimensi. Sepertimana strategi organisasi, strategi program juga dikelaskan kepada beberapa perkara, namun secara dasarnya para pengkaji membincangkan isu yang sama.

2.2.3 Model Kiub Pengantarabangsaan Van Dijk dan Meijer (1999)

Model Kiub Pengantarabangsaan oleh Van Dijk dan Meijer (1999) dibina dan dikembangkan dari Model Kuadrant oleh Davies (1992). Van Dijk dan Meijer memperkenalkan tiga dimensi utama dalam modelnya iaitu polisi, sokongan dan pelaksanaan. Polisi merujuk kepada kepentingannya dalam matlamat pengantarabangsaan. Sokongan pula merupakan segala usaha yang menyokong aktiviti pengantarabangsaan manakala pelaksanaan merupakan strategi yang dipilih dalam mengantarabangsakan IPT. Menurut Van Dijk dan Meijer, polisi boleh dikategorikan kepada marginal dan priority, sokongan pula boleh diklasifikasikan kepada satu hala ataupun interaktif. Pelaksanaan pula boleh dibahagikan sama ada *ad-hoc* ataupun sistematik. Mereka kemudiannya membina satu model kiub yang terdiri lapan sel.

Jadual 1 Model Kiub Pengantarabangsaan oleh Van Dijk dan Meijer (1999)

A (Polisi)	B (Sokongan)	C (Perlaksanaan)
1. Marginal	Ad Hoc	Satu hala
2. Marginal	Sistematik	Satu hala
3. Marginal	Ad Hoc	Interaktif
4. Marginal	Sistematik	Interaktif
5. Prioriti	Ad Hoc	Satu hala
6. Prioriti	Sistematik	Satu hala
7. Prioriti	Ad Hoc	Interaktif
8. Prioriti	Sistematik	Interaktif

Berdasarkan Model Van Dijk dan Meijer ini para pengkaji bukan sahaja dapat membezakan kedudukan sesebuah institusi berdasarkan kepada cell tetapi memperkenalkan tiga rangkaian yang akan menentukan tahap keutamaan aktiviti pengantarabangsaan sesebuah institusi.

Rangkaian 1-2-6-8 yang dikenali sebagai *slow starter* menunjukkan satu kaedah dan struktur organisasi yang baik

Rangkaian 1-5-6-8 yang dikenali sebagai *organized leaders* menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pengantarabangsaan dan mempunyai budaya pengurusan yang baik

Rangkaian 1-5-7-8 yang dikenali sebagai institusi usahawan menunjukkan kadar respon yang tinggi terhadap perubahan semasa, terdapat pelbagai aktiviti disamping mendapatkan komitmen yang tinggi daripada semua yang terlibat

3.0 Pernyataan Masalah

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ditubuhkan pada 27 Mac 2004. Memandangkan usianya yang baru mencecah empat tahun, kementerian ini merupakan satu kementerian yang baru. Walau bagaimanapun, KPT telah berkembang pesat dan setakat ini telah mengeluarkan tiga laporan utama tentang pengajian tinggi iaitu i)

Laporan Jawatankuasa Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Malaysia pada tahun 2005, ii) Dokumen Transformasi Pengajian Tinggi tahun 2007 dan iii) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara juga pada tahun 2007. Dalam ketiga-tiga laporan itu, salah satu agenda yang diperbincangkan adalah isu tentang pengantarabangsaan IPTA. Dalam Laporan Jawatankuasa Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Malaysia pada tahun 2005, kementerian hanya menjelaskan pengantarabangsaan berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan sahaja seperti aktiviti pertukaran penuntut, pertukaran pensyarah, perkongsian kurikulum, program mengantarabangsakan kegiatan pengajaran dan pembelajaran dan jalinan hubungan dengan negara luar.

Terkini, dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara usaha mempergiatkan pengantarabangsaan menjadi salah satu daripada tujuh teras yang ditekankan untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan tinggi pada tahun 2020. Antara usaha yang akan dilaksanakan ialah i) jaringan kolaborasi di kalangan IPT luar negara, ii) purata 10 peratus keseluruhan enrolmen pelajar antarabangsa, iii) 5 peratus pelajar antarabangsa dalam kursus kompetitif, iv) penghantaran pelajar pasca kedoktoran ke IPT terbaik dunia (top schools), v) purata 15 peratus keseluruhan tenaga pengajar antarabangsa di universiti penyelidikan, vi) mobiliti pelajar dengan perpindahan kredit, dan vii) Biasiswa Antarabangsa Malaysia. Sebelum kedua-dua laporan ini dikeluarkan, Hassan (2000) dalam kertas kerjanya yang berjudul *The Strategic Direction of Higher Education in Malaysia* menjelaskan bahawa terdapat lima strategi yang akan digunakan untuk pengantarabangsaan iaitu membuat tanda aras kurikulum dengan universiti luar negara, menjalinkan perhubungan dengan universiti ternama, menerajui organisasi-organisasi antarabangsa, menyediakan dana khusus untuk pergerakan pelajar dan staf dan mengadakan lebih banyak seminar, persidangan, bengkel dan forum bertaraf antarabangsa. Selain itu, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 menggariskan hal-hal yang berkaitan dengan penubuhan, pengurusan, pentadbiran dan hal ehwal pelajar. Dalam akta tersebut setiap IPTA mempunyai Lembaga Perlembagaan Universiti (LPU) tersendiri yang antara lain menyatakan bahawa universiti mempunyai kuasa tersendiri (autonomi) terutamanya dalam usaha meningkatkan perkembangan dan kecemerlangannya. (Bahagian 1, 6 (1) perkara a, dan w, Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971). Dalam konteks pengantarabangsaan IPT, setiap universiti cenderung untuk merancang dan melaksanakan strategi pengantarabangsaan berdasarkan kepada kefahaman tentang konsep dan rasional masing-masing.

Dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah dikemukakan strategi-strategi bagi mempergiatkan usaha pengantarabangsaan IPT di Malaysia seperti mana yang dijelaskan dalam perenggan pertama. Walau bagaimanapun, setiap IPTA di Malaysia mempunyai strategi tersendiri dalam usaha mengantarabangsakan institusi masing-masing dan sehingga kini masih belum terdapat satu senarai penanda aras pengantarabangsaan IPTA berdasarkan keutamaan di Malaysia. Menurut Krane (1994) dalam kajiannya di Amerika Syarikat program bahasa asing, program pengajian antarabangsa, bilangan pelajar atau program pengajian di luar negara menjadi penanda (*indicator*) utama terhadap pengantarabangsaan IPT. Manakala saiz dan kemudahan institusi menjadi peramal kepada pengantarabangsaan IPT. Penanda dan peramal ini masih digunapakai dalam kajian-kajian terkini tentang pengantarabangsaan IPT di sana. Manakala Choi (2003) menjelaskan program pertukaran pelajar dan aktiviti mengantarabangsakan kurikulum pengajian mempunyai *ranking* tertinggi dalam usaha pengantarabangsaan IPT di Korea. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharap dapat

menghasilkan satu penanda pengantarabangsaan IPTA untuk menjadi panduan dalam aktiviti pengantarabangsaan dan kajian-kajian selepas ini.

Kajian literatur mendapati terdapat dua strategi dalam melaksanakan pengantarabangsaan IPT iaitu strategi organisasi dan strategi program. Kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini banyak memberikan penegasan terhadap strategi organisasi dengan anggapan bahawa strategi organisasi memainkan peranan yang lebih penting. Walau bagaimanapun Knight dan de Wit (1995), berpendapat bahawa kedua-dua strategi memainkan peranan yang sama penting malahan ia saling bergantung di antara satu sama lain. Kajian literatur menunjukkan bahawa kajian yang mengkaji tentang strategi organisasi sebenarnya secara tidak langsung juga menyentuh tentang strategi program kerana ia saling berkait di antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, kedua-dua strategi ini digabungkan bagi melihat proses pengantarabangsaan secara menyeluruh.

Model Kiub Pengantarabangsaan oleh Van Dijk dan Meijer (1999) merupakan model yang dikembangkan dari Model Kuadrant oleh Davies (1992). Model Kuadrant oleh Davies merupakan salah satu model yang digunakan pada awal perkembangan pengantarabangsaan IPT. Model Kiub Pengantarabangsaan ini membolehkan kedudukan pengantarabangsaan sesebuah IPT diletakkan dalam lapan sel yang mewakili tiga dimensi iaitu dimensi polisi, dimensi sokongan dan dimensi pelaksanaan. Model Kiub Pengantarabangsaan ini telah digunakan oleh Van Dijk dan Meijer dalam menentukan kedudukan pengantarabangsaan tiga belas buah universiti di Netherland. Menurut Van Dijk dan Meijer (1999), model ini tidak bertujuan untuk menentukan *ranking* sesebuah IPT, bermaksud setiap institusi pendidikan tidak semestinya bergerak dari sel 1 ke sel 8, sebaliknya ia hanyalah sebagai satu kayu ukur untuk menentukan kedudukan proses pengantarabangsaan sesebuah institusi. Selain itu, ia juga dapat menjadi garis panduan kepada sesebuah institusi tertentu agar dapat menyusun strategi bagi menggerakkannya kepada sel yang lebih baik.

Berdasarkan kepada pernyataan yang dikemukakan di atas, jelas menunjukkan bahawa konsep pengantarabangsaan masih tidak jelas, manakala tidak terdapat penyelarasan tentang strategi pengantarabangsaan IPTA di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan dilakukan terhadap enam buah IPTA yang mewakili kelas masing-masing untuk mendapatkan satu keseragaman tentang konsep pengantarabangsaan IPTA di Malaysia seterusnya menyenaraikan dan mengenalpasti apakah strategi dan strategi utama ataupun *indicator* dalam pelaksanaan pengantarabangsaan di IPTA. Selain itu, KPI (Key Performance Indicator) pengantarabangsaan IPTA yang disenaraikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi akan dibandingkan dengan *indicator* yang diperolehi dan seterusnya akan menggunakan Model Kiub Pengantarabangsaan oleh Van Dijk dan Meijer (1999) untuk melihat kedudukan pengantarabangsaan IPTA di Malaysia disamping menjelaskan perbezaan rangka pelaksanaan berdasarkan kelas IPTA bagi membolehkan satu rangka pelaksanaan pengantarabangsaan IPTA di Malaysia dapat dihasilkan.

4.0 Persoalan Kajian

Kajian ini diharap dapat menyumbang banyak maklumat dan data empirikal berhubung dengan pengantarabangsaan IPTA di Malaysia. Berikut dikemukakan persoalan bagi kajian ini.

- 4.1 Apakah strategi pengantarabangsaan yang dilaksanakan oleh IPTA sejajar dengan konsep pengantarabangsaan institusi berkenaan?
- 4.2 Adakah penanda aras (key performance indicator) kepada pengantarabangsaan yang dilaksanakan oleh IPTA di Malaysia selari dengan penanda aras (key performance indicator) yang disenaraikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi?
- 4.3 Adakah terdapat perbezaan rangka strategi pelaksanaan pengantarabangsaan antara kelas universiti (universiti penyelidikan, universiti komprehensif dan universiti berfokus)?
- 4.4 Sejauhmanakah kesesuaian Model Kiub Pengantarabangsaan Van Dijk dan Meijer (1999) dapat digunakan untuk menentukan kedudukan pengantarabangsaan IPTA di Malaysia?
- 4.5 Apakah terdapat keselarian di antara kedudukan pengantarabangsaan IPTA di Malaysia berdasarkan kepada lapan sel Model Kiub Pengantarabangsaan Van Dijk dan Meijer (1999) dengan tahap pengantarabangsaan berdasarkan penanda aras (key performance indicator)?
- 4.6 Apakah rangka strategi pelaksanaan pengantarabangsaan IPTA yang sesuai dalam konteks negara Malaysia?

5.0 Metodologi

5.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan gabungan dua bentuk kajian iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Kaedah Kuantitatif dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik memandangkan ia adalah kaedah termudah dan berkesan dalam memperolehi data piawai daripada saiz sampel kajian yang besar dan menyeluruh (Frankel & Wallen, 2003; Neuman, 2003; Mitchell & Jolley, 2004). Kaedah kualitatif iaitu temubual digunakan untuk mengayakan lagi dapatan kajian dalam kajian kuantitatif. Persoalan kajian yang sama digunakan tetapi penggunaan temubual diharap dapat menambah maklumat yang diperolehi daripada soal selidik. Melalui temubual diharap dimensi-dimensi baru dalam konsep dan strategi pelaksanaan pengantarabangsaan dalam konteks negara Malaysia dapat dikumpulkan. Setelah memperolehi faktor utama yang dapat dijadikan penanda aras (key performance indicator) kepada pengantarabangsaan IPTA di Malaysia, penanda aras tersebut akan digunakan untuk mengenalpasti tahap pengantarabangsaan IPTA di Malaysia. Teknik yang digunakan ialah melalui analisis dokumen. Dokumen yang akan digunakan ialah Laporan Pelan Strategik IPTA (2006-2010) dan Pernyataan Misi dan Visi setiap universiti yang dikaji. Data tentang tahap pengantarabangsaan tersebut akan *ditriangulasikan* dengan kedudukan IPTA dalam Model Kiub Pengantarabangsaan Van Dijk dan Meijer.

5.2 Lokasi kajian

Kajian ini dilakukan di IPTA seluruh Malaysia. Terdapat dua puluh buah IPTA di seluruh Malaysia dan dikelaskan kepada tiga kategori iaitu Universiti Penyelidikan, Universiti Komprehensif dan Universiti Berfokus (MOHE, 2007). Berdasarkan pengelasan oleh Kementerian Pengajian Tinggi ini, sebanyak enam buah universiti dipilih untuk dijadikan lokasi bagi kajian ini dan setiap kelas diwakili oleh dua buah universiti.

5.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi bagi kajian tinjauan melalui soal selidik terdiri daripada semua staf pentadbiran universiti. Staf pentadbiran yang dimaksudkan ialah staf pentadbiran yang mentadbir di fakulti yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan, dan Ketua Jabatan termasuk Ketua Pusat Akademik dan juga Pengarah atau Ketua Institut Pusat Pengajian atau Pusat Kecemerlangan. Antara kriteria pemilihan sampel ialah i) penglibatan aktif dalam aktiviti yang berkaitan dengan pentadbiran dan pelaksanaan kurikulum pengantarabangsaan, ii) aktif dalam aktiviti, program dan usaha kearah pengantarabangsaan iii) mempunyai kedudukan dan autoriti di peringkat universiti dalam usaha pengantarabangsaan iv) pelaksana kedua-dua strategi pengantarabangsaan iaitu sebagai ahli akademik dan juga pentadbir universiti.

Jadual 2 Bilangan pentadbir IPTA yang akan dijadikan sampel kajian

Bil.	Pengelasan IPTA	Nama IPTA	Pentadbir (orang) Tinjauan Soal selidik	Ketua Unit/Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa (orang) Temubual
1.	Universiti Penyelidikan	U1	130	1
		U2	130	1
2.	Universiti Berfokus	U3	104	1
		U4	110	1
3.	Universiti Komprehensif	U5	100	1
		U6	142	1
	JUMLAH	6	716	6

(Sumber, MOHE, 2006)

Responden temubual ialah ketua atau pengarah atau pengurus Unit atau Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa di setiap universiti yang dikaji. Pemilihan tersebut berdasarkan tujuan (*purposive sampling*) kerana mereka terlibat secara langsung sama ada merancang, melaksana ataupun mengurus hal ehwal antarabangsa di peringkat universiti. Kriteria pemilihan responden untuk temubual juga berdasarkan kepada kriteria yang digunakan untuk memilih sampel soal selidik.

6.0 Kajian Rintis

Kajian rintis untuk tinjauan soal selidik akan dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tiga buah fakulti telah terlibat iaitu Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Responden kajian adalah terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan, dan Ketua Jabatan di UTM. Hasil kajian rintis tersebut didapati Nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan konstruk soal selidik ialah 0.976. Bagi konstruk konsep pengantarabangsaan nilai Alpha Cronbach ialah 0.911 manakala konstruk strategi pengantarabangsaan nilai Alpha Cronbach ialah 0.940. Berdasarkan nilai pekali Alpha Cronbach tersebut soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Kerlinger dan Lee, 2000). Manakala kajian rintis untuk kaedah temubual telah dijalankan dengan dua orang responden daripada UTM. Hasil daripada kajian rintis tersebut didapati bahawa kedua-dua responden mempunyai pandangan yang hampir sama terhadap konsep pengantarabangsaan IPTA

Responden A

"konsep pengantarabangsaan telah sedia ada, ia sejajar dengan pembinaan sesebuah IPT kerana IPT berperanan untuk menyebarkan ilmu untuk kebaikan masyarakat tanpa mengira masyarakat setempat ataupun masyarakat sejagat"

Responden B

"Pusat pengajian tinggi tu dari zaman dahulu merupakan satu pusat yang berupaya menarik ramai cerdik pandai dari seluruh pelusuk dunia walau dimanapun, zaman Rom, zaman Baghdad, Mesir dan tradisi ini mengikut sejarahnya dan perkembangannya juga wujud dengan institusi yang mengistiharkan dirinya sebagai pusat pengajian tinggi"

Kedua-dua responden memberikan keutaman yang berbeza kepada strategi pengantarabangsaan IPTA

Responden A

"Bagi saya strategi utama bagi membolehkan sesebuah universiti itu menjadi *global player* ialah *top-notch* staf sama ada staf akademik ataupun staf sokongan, diikuti oleh hasil-penyelidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, penerbitan dengan menegaskan *citation index*, kemudahan infrastruktur termasuklah kewangan, dana dalam bentuk kewanganpun sangat penting"

Responden B

"Keterbukaan semua aspek untuk menjadi komuniti antarabangsa, kemampuan membina kapasiti atau *capacity building*, *publication* dan keupayaan membina reputasi"

7.0 Perbincangan

Hasil daripada kajian rintis tersebut didapati bahawa konsep pengantarabangsaan yang diberikan oleh Responden A tidak termasuk dalam konsep berasaskan pendekatan sepertimana yang dijelaskan oleh pengkaji dalam kerangka konsep kajian. Walau bagaimanapun ianya merupakan satu konsep yang berasaskan kepada kerangka iaitu kerangka pengurusan sepertimana yang terdapat dalam kajian literatur. Kerangka pengurusan merujuk kepada pembentukan budaya organisasi. Budaya organisasi amat penting kerana ia akan menyokong aspek nilai, dana, polisi serta daya kepimpinan di institusi pengajian tinggi (Davies, 1992; De Wit & Knight, 1995; Scot 1997). Daripada segi strategi, responden A dan responden B mempunyai strategi yang berbeza. Responden A lebih menjurus kepada pelaksanaan kedua-dua strategi iaitu strategi organisasi dan strategi program, manakala responden B lebih menegaskan kepada strategi organisasi sahaja. Responden A menyokong kajian yang dilakukan oleh Knights dan de Wit (1995), meletakkan *top-notch* staf sebagai penanda aras utama menolak pandangan yang dikemukakan oleh Choi (2003) yang menyatakan staf merupakan dimensi yang sering tercicir dalam membincangkan tentang strategi pengantarabangsaan. Responden B lebih menegaskan kepada strategi organisasi sepertimana yang dijelaskan dalam kajian oleh Knight dan de Wit (1995), Elkin, Devjee dan Fansworth, 2003, Choi (2003) dan Maria (2004). Berdasarkan kajian rintis tersebut juga secara keseluruhannya dapatlah dijelaskan bahawa terdapat perbezaan konsep dan strategi pengantarabangsaan di antara responden, responden B memberikan dimensi baru dalam strategi pengantarabangsaan seperti keterbukaan untuk menjadi komuniti global dan capacity building. Selain itu didapati terdapat perbezaan yang nyata di antara strategi yang diperjelaskan oleh responden dengan penanda aras yang dikemukakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

8.0 Penutup

Kajian ini sedang dilaksanakan dan sehingga kini masih di tahap pengumpulan data. Secara umumnya data kualitatif telah hampir lapan puluh peratus selesai, manakala tinjauan soal selidik masih berada pada tahap awal. Data kuantitatif dijangkakan akan diperolehi sepenuhnya pada akhir bulan Disember 2008. Perbincangan dalam kertas kerja ini hanya tertumpu kepada data kualitatif temubual dalam kajian rintid dan perbincangan ini akan menjadi lebih empirikal sekiranya disertakan dengan data kuantitatif melalui tinjauan soal selidik dan juga analisis dokumen. Secara keseluruhannya kertas kerja ini berupaya menggambarkan tentang beberapa pendekatan dalam menjelaskan konsep pengantarabangsaan dan secara langsung dapat menjelaskan bahawa penanda aras yang disenaraikan oleh Kementerian Pengajian tinggi tidak sejajar dengan strategi yang dilaksanakan oleh sesebuah institusi. Adalah diharapkan bahawa kajian ini berupaya memberikan satu rangka pelaksanaan pengantarabangsaan IPTA di Malaysia.

Rujukan

- Altbach, P.G. (2000). "What Higher Education Does Right". *International Higher Education* 18:2
- Altbach, P.G. (1979). "Comparative Higher Education, Research, Trends and Bibliography" eric.ed.gov
- Arum, S., & Van De Water, J. (1992). "Implementation of International competence Strategies" dalam dalam Klasek C.B (Ed.), *Bridge to the Future: Startegies for Internationalizing Higher Education*. Halaman 177-190. Carbondale,IL: Association of International Education Administrators
- Association of Universities and colleges of Canada. (2000). *Canadian University Efforts to Internationalize the Curriculum*. Ottawa, Kanada: Association of Universities and Colleges of Canada.
- Association of International Education Administrators (1995). *A Research Agneda for the Internationalization of Higher Education in the United States*. Washington DC.
- Callan, H. (2000). "Higher Education Internationalization and Strategies: Of Marginal significance or All Pervasive?" *Higher Education in Europe* (UNESCO), 25 (1),pp 15-24
- Choi, Jun Goi (2003). "The Internationalization of Higher Education: The Case Of Korean Universities". Disertasi Ph D. The Catholic University of America
- Cummings, W (1995). The Asian Human Resource Approach in Global Perspective. *Oxford Review of Education*,21,67-81
- Davies, J. L. (1992). "Developing a Strategy for Internationlaization in Universities: towards a Conceptual Framework" dalam Klasek C.B (Ed.), *Bridge to the Future: Startegies for Internationalizing Higher Education*. Halaman 177-190. Carbondale,IL: Association of International Education Administrators
- De Wit, H (1995). "Education and Globalization in Europe: Current Trends and Future Developments. Frontiers" *The Interdisciplinary Journal of Study Abroad* 1, halaman 28-53
- Dzulkifli bin Abdul Razak, Dato',Prof.Dr., Ramli Mohamed dan Ambigapathy Pandian "Internationalizing Post-Graduate Education: The Experience of University Sanins Malaysia." Kertas Kerja. *International Conference on Post-Graduate Education*, 26-27 May 2004
- Ellingboe, B.J. (1997). Evidence of Internationalization and Recommendations for Future Campus-Wide Strategies. Kertas kerja. Internationalization of the Curriculum. <http://edpa.coled.umn.edu/intedu/workpaper.html>
- Elkin, G., Devjee,F dan Fansworth,J. "Visualising the Internationalisation of Universities". *International Journal of Educational Management*. Emerald. Fulltext.
- Engberg,D. (2001). Attitudes about International Education in United States. United States:International Higher Education
- Hashim bin Yaacob, Dato',Prof.Dr. "Internationalizing Post-Graduate Education: The Experience of University of Malaya." Kertas Kerja. International Conference on Post-Graduate Education, 26-27 May 2004
- Hayward (2001). Internationalization of US Higher Education. American Council on Higher Education: Washington D.C
- Isadora @Xiaoping Jiang (2005). "Globalisation, Internationalisation and The Knowledge Economy in Higher Education : A Case Study of China and New Zealand" Thesis Ph.D, University of Auckland, New Zealand.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1999). Abstrak Kajian Utama: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan 1971-1999, Kuala Lumpur:

- Pusat Dokumentasi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999
- Knight, J (1995). "A National Study on Internationalization at Canadian Universities". *Canadian Bureau for International Education*, Ottawa, Ontario.
- Knight, J (1999). "Internationalization of Higher Education. Dalam IMHE/OECD (Ed.), Quality and Internationalisation in Higher Education. Paris: OECD.
- Knight, J & de Wit, H. (1995). "Strategies for Internationalization of High Education: Historical and Conceptual Perspectives". *Canadian Bureau for International Education*, Ottawa, Ontario.
- Knight, J (1997). "A Shared Vision? Stakeholders' Perspective on the Internationalization of Higher Education in Canada". *Journal of Studies in International Education*, Spring Issue.
- Knight, J (2000). "Progress and Promise: The AUCC Report on Internationalization at Canadian Universities". *Association of Universities and Colleges of Canada*, Ottawa, Ontario.
- Kesar, A.J (2000). *Higher Education Trends (1997-1999): Curriculum*. Educational Research Information Center (ERIC). Trends. <http://www.enriche.org/trends/curriculum.html>
- Krane, M.C.S. (1994). "Development of an International Index for U.S Liberal arts Colleges" Ph.D Disertasi yang tidak diterbitkan. Mississippi State University Library and through Ann Arbor: UMI Disertation
- Kerlinger, F.N. & Lee, H.B. (2000). *Foundations of Behavioral Research*. 4th ed.. Fort Worth, Texas : Thompson Learning
- Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan tentang Perkembangan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2005
- Mahathir Mohamed. (1999). *Jalan ke Puncak*. Subang Jaya: Pelanduk Publications
- Mahathir Mohamed. (2000). *Managing the Malaysian Economy*. Putrajaya: Pelanduk Publications
- Maria Navarro (2004). "Analysis of Factors Affecting Participation of Faculty and Choice of Strategies for the Internationalization of the Undergraduate Agricultural Curriculum: The Case in Two Land Grant Universitie". Disertasi Ph D. Universitat Politecnica de Catalunya.
- Ministry of Higher Education, Malaysia (2006). *National Higher Education Action Plan 2007-2010*.
- Ministry of Higher Education, Malaysia (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*.
- Perangkaan Sepintas Lalu Pengajian Tinggi Malaysia 2005. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Pickert, S. & Turlington, B (1992). *Internationalizing the Undergraduate Curriculum: A Handbook for Campus Leaders*. Washington DC: American Council on Education.
- Pike, G.(2000). *Global Teacher, Global Learner*. London: York University
- Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur , 1985
- Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975). Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur , 1971
- Rancangan Malaysia Tujuh (1995-2000). Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur , 1996
- Scot, P (Ed.) (1997). *The Globalisation of Higher Education*. UK: Open University Press

- Sufean Hussin (2002). Dasar pendidikan progresif : perspektif makro dan mikro Kuala Lumpur : Utusan Publications
- Yang, Rui (2004). "Openness and Reform as Dynamics for Development : A Case Study of Internationalisation at South China University of Technology" dalam *Higher Education* 47: hlm. 473-500